Daerah—Johor Bahru. Mukim—Pulai. No. P.T.D.—120250. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 980. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 585/2004 bertarikh 25 Ogos 2004.

Bertarikh 13 November 2018
[PTDJB(L) 19/2018]

MUHAMMAD HAZIQ BIN ABDUL LATIF
b.p. Pentadbir Tanah
Johor Bahru

No. 4272.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Izwan bin Maskan, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Rabu 16 Januari 2019 di Pejabat Tanah Pontian yang beralamat di Bangunan Sultan Ismail, 82000 Pontian, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM770,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja) bagi hakmilik iaitu G.M. 3231, Lot 129, Mukim Benut.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini RM623,134.27 setakat 23 Oktober 2018 nama pemegang gadaian RHB Bank Berhad yang beralamat di Tingkat 2, No. 35 & 37, Jalan Permas 10/2, Bandar Baru Permas Jaya, 81750 Masai, Johor.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM77,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Pontian. Bandar/Pekan/Mukim—Pontian. No. Lot—129. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3231. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 249/2013 bertarikh 23 Oktober 2013.

Bertarikh 28 Oktober 2018
[PTDP 13/35/18]

KHAIRUL IZWAN BIN MASKAN
*b.p. Pentadbir Tanah
Pontian*

No. 4273.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Lock Swee Ann yang beralamat di No. 125, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor atau No. 98-4, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor, adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 23 Mei 2018 telah pun dikeluarkan.

Pada tarikh penjualannya yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam pada 26 September 2018 telah ditangguhkan kerana tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 23 Januari 2019 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM162,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Dua Ribu Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM2,335,688.71 setakat 23 Mei 2018.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. P.T.D.—2709. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1650. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5801/2015 bertarikh 24 November 2015.

Bertarikh 29 Oktober 2018
[PTDM(LEL) 11/2018]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4274.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Lock Swee Ann yang beralamat di No. 125, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor atau No. 98-4, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor, adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 23 Mei 2018 telah pun dikeluarkan.

Pada tarikh penjualannya yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam pada 26 September 2018 telah ditangguhkan kerana tiada pembida.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 23 Januari 2019 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM108,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Ribu Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM2,335,688.71 setakat 23 Mei 2018.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. P.T.D.—2710. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1651. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5802/2015 bertarikh 24 November 2015.

Bertarikh 29 Oktober 2018
[PTDM(LEL) 12/2018]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4275.

(Seksyen 263)

NOTIS MENGENAI PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN
PEMEGANG GADAIAN

Kepada Lock Swee Ann yang beralamat di No. 125, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor atau No. 98-4, Lorong Dato Ahmad, Jalan Khalidi, 84000 Muar, Johor, adalah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Bahawasanya suatu perintah dibuat oleh Pentadbir Tanah Muar supaya dijual tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu sebagaimana Borang 16H, Kanun Tanah Negara bertarikh 23 Mei 2018 telah pun dikeluarkan.

Pada tarikh penjualannya yang dinyatakan di borang itu, lelongan awam pada 26 September 2018 telah ditangguhkan kerana tiada pembeda.

Adalah dengan ini diberi Notis bahawa penjualan selanjutnya akan diadakan secara lelong awam pada 23 Januari 2019 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Muar.

Harga yang serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM109,800.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sembilan Ribu Lapan Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu pada tarikh jualan itu ialah RM2,335,688.71 setakat 23 Mei 2018.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. P.T.D.—2711. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1652. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5803/2015 bertarikh 24 November 2015.

Bertarikh 29 Oktober 2018
[PTDM(LEL) 13/2018]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4276.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Lokman bin Md. Don (K.P. 620521-01-6049) beralamat di No. 49, Jalan Sultan Alauddin 3, Taman Sakeh Baru, 84000 Muar, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 30299/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Faridah binti Sheikh Silan (K.P. 560710-01-5334) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Bandar Maharani. No. Lot—4045. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 49901. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 1 Oktober 2018
[(352)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4277.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Zaharah binti Abd. Rahman (K.P. 760403-71-5054) beralamat di No. 2, Jalan Ria 4, Taman Skudai Ria, 81300 Skudai, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 25068/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Salim bin Chik (K.P. 440308-01-5305) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. P.T.D.—179831. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 276297. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 1 Oktober 2018
[(353)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4278.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Ong Lea Chin (K.P. 570804-01-7073) beralamat di No. 9, Jalan Hang Tuah 3, Taman Muhibbah Kluang, 86000 Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 14523/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Ong Keng Swee (K.P. A0204416) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kluang. No. P.T.D.—29729. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 11002. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 16 Oktober 2018
[(354)d/m.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4279.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Golden Envoy (M) Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 31124-T) beralamat di Unit E-3-1, Level 3, Block E, Southgate Commercial Centre, No. 2, Jalan Dua Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 32089/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Rosniza binti Bakhori (K.P. 750610-11-5466) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Ulu Sungai Johor. No. Lot—23457. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 52044. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 16 Oktober 2018
[(356)d/m.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4280.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Azlinda binti Ab. Aziz (K.P. 761113-11-5338) beralamat di No. B2-16, Suriamas Suite Jalan Serantau, Taman Dato' Onn, 80350 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 16146/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Siti Aminah binti Mohd. Nor (K.P. 861222-23-6292) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Tebrau. No. P.T.D.—156680. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 492684. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 8176/2013.

Bertarikh 22 Oktober 2018
[(355)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4281.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Azlinda binti Ab. Aziz (K.P. 761113-11-5338) beralamat di No. B2-16, Suriamas Suite Jalan Serantau, Taman Dato' Onn, 80350 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 16146/2015 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Fairuz bin Arif (K.P. 771010-01-6889) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Tebrau. No. P.T.D.—156680. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 492684. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 8176/2013.

Bertarikh 22 Oktober 2018
[(355)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4282.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Tay Seng Yong (K.P. 900812-01-5405) beralamat di JSK 22, No. 15 (P.T.B. 14384), Jalan Utama, Taman Sakeh, 84000 Muar, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11571/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Tan Meng Keow (K.P. 820328-08-6519) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—41798. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 443724. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 22360/2009.

Bertarikh 22 Oktober 2018
[(357)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4283.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Huang Ai-O (No. Passport: 350812829) beralamat di c/o Manian K. Marappan & Co. Peguambela dan Peguamcara, Level Wisma Sing Long, No. 9, Jalan Zabedah, 83000 Batu Pahat, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 1481/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Malayan Banking Berhad pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Linau. No. Lot—4478. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3326. Bahagian Tanah (jika ada)—1/13 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2421/1994, Perserahan No. 2422/1994 dan Perserahan No. 630/1998.

Bertarikh 7 Oktober 2018

[(65)dlm.PT. 01/00/04/0106/0001/2011 JLD. IV]

*Pentadbir Tanah
Batu Pahat*

No. 4284.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Edora binti Jamian (K.P. 820921-01-5738) beralamat di No. 87, Kampung Sri Paya, 86400 Parit Raja, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 2027/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahwasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahwasanya tuanpunya tanah Jamian bin Palil pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Batu Pahat. Mukim—Sri Gading. No. Lot—5024. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 10412. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 16 Oktober 2018

[(66)dlm.PT. 01/00/04/0106/0001/2011 JLD. IV]

*Pentadbir Tanah
Batu Pahat*

No. 4285.

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 48.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT MENGENAINYA

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

TANGGUNGJAWAB YANG DIPERTUA TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Yang DiPertua bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1967. Yang DiPertua juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Yang DiPertua bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Yang DiPertua.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Yang DiPertua dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Yang DiPertua, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MOHD. SAID BIN SUPAR
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

Tarikh: 20 September 2018

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mariaton binti Ibrahim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama yang tersebut di atas)
di Johor Bahru, Johor)
pada 17 September 2018)

MARIATON BINTI IBRAHIM

Di hadapan saya,

SHAMSUL BIN BEAN
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

Tarikh: 17 September 2018

PENYATA YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Haji Zainor bin Adani dan Haji Sabarudin bin Haji Burahan yang merupakan Yang DiPertua dan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI ZAINOR BIN ADANI
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Pasir Gudang

HAJI SABARUDIN BIN HAJI BURAHAN
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Tarikh: 18 September 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

| Nota | 2017 | 2016 | 1.1.2016 |
|---|--------------------|---|---|
| | RM | sebagai yang dinyatakan semula RM | sebagai yang dinyatakan semula RM |
| ASET | | | |
| ASET SEMASA | | | |
| Tunai Dan Baki Bank | 12,472,940 | 18,145,968 | 9,576,767 |
| Deposit Tetap | 115,207,318 | 98,558,178 | 52,508,532 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 24,155,588 | 16,699,644 | 23,465,825 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | 2,226,037 | 1,566,210 | 591,673 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan | 12,037,558 | 6,280,252 | 1,345,109 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 166,099,441 | 141,250,252 | 87,487,906 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji Dan Peralatan | 163,266,050 | 163,100,023 | 156,233,253 |
| Hartanah Pelaburan | 23,408,661 | 24,130,019 | 24,851,377 |
| Aset Tak Ketara | 436,813 | 628,848 | 1,143,425 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 33,441,559 | 4,729,092 | 2,018,895 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan | 29,288 | 27,416 | 9,200 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 220,582,371 | 192,615,398 | 184,256,150 |
| JUMLAH ASET | 386,681,812 | 333,865,650 | 271,744,056 |
| LIABILITI | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar, Deposit Dan Belanja Terakru | 56,921,350 | 41,418,694 | 31,704,362 |
| Geran Tertunda | 7,594,640 | 4,273,714 | 245,531 |
| Akaun Amanah | 12,316,254 | 12,884,957 | 11,546,978 |
| Pinjaman | 3,218,097 | 3,081,245 | 2,574,150 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 80,050,341 | 61,658,610 | 46,071,021 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman | 17,586,081 | 20,887,829 | 22,442,509 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | 17,586,081 | 20,887,829 | 22,442,509 |
| JUMLAH LIABILITI | 97,636,422 | 82,546,439 | 68,513,530 |
| ASET BERSIH | 289,045,390 | 251,319,211 | 203,230,526 |
| ASET BERSIH | 289,045,390 | 251,319,211 | 203,230,526 |
| Kumpulan Wang Berkumpul Majlis | 289,045,390 | 251,319,211 | 203,230,526 |
| JUMLAH ASET BERSIH | 289,045,390 | 251,319,211 | 203,230,526 |

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

3386

[6hb Dis. 2018

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | 2017 | 2016 seperti yang dinyatakan semula |
|---|------|--------------------|--|
| | | RM | RM |
| HASIL | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 16 | 145,195,432 | 125,115,866 |
| Urusniaga Pertukaran | 17 | 25,996,600 | 23,619,833 |
| JUMLAH HASIL | | <u>171,192,032</u> | <u>148,735,699</u> |
| PERBELANJAAN | | | |
| EMOLUMEN | | | |
| Gaji dan Upahan | 18 | 10,790,771 | 10,174,230 |
| Elaun-Elaun Tetap | 19 | 3,170,375 | 3,241,122 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Pekerja | 20 | 1,877,612 | 1,804,193 |
| Elaun Lebih Masa | 21 | 2,108,024 | 1,953,164 |
| Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain | 22 | 81,967 | 30,523 |
| Elaun Ahli-Ahli Majlis | 23 | 319,890 | 336,452 |
| Imbuan Tahunan Dan Bantuan Khas Kewangan | 24 | 327,000 | 842,551 |
| | | <u>18,675,639</u> | <u>18,382,235</u> |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | | |
| Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup | 25 | 825,808 | 894,492 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 26 | 12,871 | 5,870 |
| Perhubungan Dan Utiliti | 27 | 12,630,948 | 9,242,815 |
| Sewaan | 28 | 819,393 | 871,438 |
| Bahan-Bahan Makanan Dan Minuman | 29 | 741 | 23,147 |
| Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 30 | 523,200 | 459,305 |
| Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain | 31 | 1,356,465 | 1,160,496 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil | 32 | 42,399,343 | 34,962,225 |
| Perkhidmatan Ikhtisas, Perkhidmatan Lain Dan Hospitaliti | 33 | 16,014,519 | 11,829,532 |
| | | <u>74,583,288</u> | <u>59,449,320</u> |
| PEMILIKAN HARTA MODAL | | | |
| Alat Kelengkapan Pejabat, Perabot Dan Kelengkapan Dan Kumpulan Buku | 34 | 504,738 | 384,046 |
| | | <u>504,738</u> | <u>384,046</u> |
| PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP | | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 35 | 1,314,074 | 996,656 |
| Faedah | 36 | 991,214 | 1,513,815 |
| | | <u>2,305,288</u> | <u>2,510,471</u> |
| PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | | | |
| Pulangbalik Dan Hapus Kira | 37 | 124,748 | 34,813 |
| Bayaran-Bayaran Lain | 38 | 891,053 | 907,970 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 39 | 26,593,385 | 9,186,580 |
| | | <u>27,609,186</u> | <u>10,129,363</u> |
| Susutnilai dan Pelunasan | | 9,660,797 | 9,738,159 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | <u>133,338,936</u> | <u>100,593,594</u> |
| LEBIHAN/(KURANGAN) SEMASA | | <u>37,853,096</u> | <u>48,142,105</u> |

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

| Nota | Kumpulan Wang Terumpul Majlis | Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Pelbagai | Pemberian Tertunda | Jumlah Aset Bersih |
|-------------------------------------|----------------------------------|---|------------------------------|---------------------------|-----------------------|--------------------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | | | | | | |
| - Seperti yang Dinyatakan Terdahulu | 183,295,648 | 11,546,978 | 111,434 | 172,443 | 4,714,127 | 199,840,630 |
| Kesan Pemakaian MPSAS | 19,934,878 | (11,546,978) | (111,434) | (172,443) | (4,714,127) | 3,389,896 |
| Baki Pada 1 Januari 2016 | 203,230,526 | - | - | - | - | 203,230,526 |
| - Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | (53,420) | - | - | - | - | (53,420) |
| Lebih Semasa | 48,142,105 | - | - | - | - | 48,142,105 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 251,319,211 | - | - | - | - | 251,319,211 |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | (126,917) | - | - | - | - | (126,917) |
| Lebih Semasa | 37,853,096 | - | - | - | - | 37,853,096 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 289,045,390 | - | - | - | - | 289,045,390 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

| | 2017 | 2016 |
|---|---------------------|--------------------------------------|
| | | seperti yang dinyatakan semula |
| | RM | RM |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Semasa | 37,853,096 | 48,142,105 |
| Pergerakan Bukan Tunai | | |
| Pelarasan-pelarasan Tahun Terdahulu | (126,917) | (53,420) |
| Susutnilai dan Pelunasan | 9,660,797 | 9,738,159 |
| Pelunasan Geran | 3,320,926 | 4,028,183 |
| Perbelanjaan Faedah | 991,214 | 1,513,815 |
| Hasil Daripada Faedah | (4,333,492) | (2,957,278) |
| Kerugian Atas Hapuskira Hartanah, Loji Dan Peralatan | - | 20,527 |
| Peruntukan Hutang Ragu | (2,887,874) | (157,112) |
| Pergerakan Bersih Belum Terima | (10,987,075) | 995,397 |
| Pergerakan Bersih Belum Bayar | 14,933,953 | 11,052,311 |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi | <u>48,424,628</u> | <u>72,322,687</u> |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan | (8,611,620) | (15,389,521) |
| Pembelian Aset Tak Ketara | (301,811) | - |
| Kerja Dalam Pelaksanaan Faedah Diterima | (28,712,467) | (2,710,197) |
| | 4,333,492 | 2,957,278 |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan | <u>(33,292,406)</u> | <u>(15,142,440)</u> |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Bayaran Balik Pinjaman | (3,164,896) | (1,047,585) |
| Perbelanjaan Faedah | (991,214) | (1,513,815) |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan | <u>(4,156,110)</u> | <u>(2,561,400)</u> |
| Pergerakan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai | 10,976,112 | 54,618,847 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 116,704,146 | 62,085,299 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | <u>127,680,258</u> | <u>116,704,146</u> |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada: | | |
| Deposit Dan Baki Bank | 12,472,940 | 18,145,968 |
| Deposit Tetap | 115,207,318 | 98,558,178 |
| | <u>127,680,258</u> | <u>116,704,146</u> |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

| | Nota | Asal RM | Jumlah Bajet Akhir RM | Jumlah Sebenar RM | *Varian Bajet RM |
|------------------------------------|----------|-------------|-----------------------------|-------------------------|---------------------|
| PENERIMAAN | | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | | 137,699,275 | 137,699,275 | 144,554,981 | (6,855,706) |
| Urusniaga Pertukaran | | 21,572,540 | 21,572,540 | 25,000,115 | (3,427,575) |
| Jumlah Penerimaan | | 159,271,815 | 159,271,815 | 169,555,096 | (10,283,281) |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | | 17,878,730 | 18,778,730 | 18,685,089 | 93,641 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | | 75,516,332 | 90,903,773 | 77,267,069 | 13,636,704 |
| Pemilikan Harta Modal | 45.2 (a) | 1,983,297 | 2,396,760 | 1,555,004 | 841,756 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | | 5,513,500 | 5,513,500 | 5,437,164 | 76,336 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | | 12,444,000 | 12,444,000 | 10,105,831 | 2,338,169 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 45.2 (b) | 46,770,000 | 46,770,000 | 52,510,714 | (16,360,983) |
| Jumlah Pembayaran | | 160,105,859 | 176,806,763 | 165,560,871 | 625,623 |
| | | (834,044) | (17,534,948) | 3,994,225 | (10,908,904) |

* Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi, dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Mengenakan cukai harta terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai harta yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan serta Surat-surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia yang berkaitan.

Majlis menggunakan piawaian perakaunan MPSAS sebagaimana yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 16 Oktober 2017 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 18 Disember 2017. Pemakaian MPSAS di Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am pada 13 Disember 2017 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 27 Disember 2017.

2.1.2. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.19. Sebelum ini Penyata Kewangan Majlis telah disediakan mengikut Prinsip-Prinsip Piawaian Perakaunan yang diterima umum (GAAP) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.19 kepada Penyata Kewangan.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Harta

Cukai Harta adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Harta diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Caruman Bantu Kadar

Caruman Bantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Caruman Bantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa tuntutan dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan hasil tersebut.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman dan lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman kecuali notis dan waran bagi cukai harta akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, proses pindah milik, perkhidmatan tapak pelupusan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

Hasil bagi perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil tersebut kecuali caj pembentungan akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017—(Samb.)

- (ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang
